

## Kebolehpasaran Graduan: Tinjauan Kaji Selidik Terhadap Alumni Diploma Pengurusan Perniagaan

Siti Syuhada Abd Rahman<sup>1\*</sup> dan Norziah Othman<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Universiti Islam Selangor

\*Pengarang Koresponden: [sitisyuhada@kuis.edu.my](mailto:sitisyuhada@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Industri pekerjaan bukan sahaja memerlukan graduan berpengetahuan malah mampu menyesuaikan diri dengan keperluan semasa serta bersedia menghadapi cabaran yang mendatang. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi swasta, Universiti Islam Selangor bertanggungjawab membantu Kementerian Pengajian Tinggi bagi mempersiapkan bakal graduan agar memenuhi keperluan semasa industri. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan melalui soal selidik melibatkan data secara kuantitatif berkaitan kebolehpasaran graduan yang dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati lebih 93.75 peratus responden bersetuju bahawa program Diploma Pengurusan Perniagaan yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran semasa. 87.5 peratus alumni program yang terlibat dalam kajian ini telah ditawarkan kerja di organisasi milikan tempatan serta bekerja bersesuaian dengan bidang. Tempoh pengajian iaitu tiga tahun pengajian juga mencukupi. Hasil kajian ini mendapati bahawa lebih 90 peratus graduan program Diploma Pengurusan Perniagaan berupaya menjana pendapatan melebihi RM1500. Beberapa cadangan diberikan oleh responden bagi menambahbaik kualiti program yang ditawarkan ini. Antaranya adalah menawarkan lebih banyak subjek yang relevan seperti asas reka bentuk laman sesawang, pengurusan kewangan menurut Islam dan sebagainya yang memenuhi keperluan semasa industri. Pelajar juga perlu didedahkan dengan kemahiran menggunakan *Microsoft Word* dan *Microsoft Excel* secara yang maksimum agar mampu berdaya saing dengan graduan dari institusi pengajian tinggi lain di luar sana. Tempoh praktikal juga dicadangkan agar dilanjutkan bagi memberikan pendedahan mendalam kepada bakal graduan dengan dunia pekerjaan sebenar.

*Kata Kunci: Berdaya saing, kebolehpasaran, alumni*

## 1. PENGENALAN

Kebolehpasaran graduan merujuk kepada keupayaan graduan melalui pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki untuk berintegrasi dengan lancar ke dalam pasaran pekerjaan, memberikan sumbangan yang bernilai kepada organisasi atau sektor di mana mereka bekerja, serta mampu terus belajar dan berkembang dalam persekitaran profesional yang semakin berubah (E. Ali et al., 2018). Kebolehpasaran graduan adalah isu penting dalam konteks pendidikan dan tenaga kerja masa kini. Perubahan yang dinamik dalam landskap ekonomi global, kemajuan teknologi, dan perniagaan telah memberi kesan mendalam terhadap graduan dalam mendapatkan peluang pekerjaan.

Kementerian Pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) telah menggariskan 10 lonjakan bagi mencorakkan landskap pendidikan tinggi. Salah satu daripada 10 lonjakan tersebut adalah pembentukan graduan holistik yang mempunyai ciri keusahawanan dan kebolehpasaran. Justeru, menjadi tanggungjawab semua institusi pendidikan untuk mempersiapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang bertepatan dengan kehendak industri bagi meningkatkan daya saing mereka dalam alam pekerjaan kelak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Statistik kadar kebolehpasaran graduan menunjukkan trend peningkatan kebolehpasaran graduan di Malaysia dari tahun 2016 sehingga 2019. Pada tahun 2018 kebolehpasaran graduan di Malaysia adalah pada kadar 80.2 peratus dan meningkat kepada 86.2 peratus pada tahun 2019. Namun, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada tahun 2019 menjejaskan

pertumbuhan ekonomi Negara, sekaligus menyebabkan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan lepasan IPT sebanyak 22.5 peratus pada tahun 2020. Situasi ini membawa kepada penurunan kadar kebolehpasaran graduan kepada 84.4 peratus berbanding tahun sebelumnya (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji kebolehpasaran program Diploma Pengurusan Perniagaan (MS32) yang ditawarkan di Universiti Islam Selangor (UIS). Maklum balas daripada alumni merupakan maklumat yang sangat penting bagi membantu menilai secara berterusan kualiti program pengajian yang ditawarkan. Kelebihan dan kekurangan yang wujud dalam program pengajian juga perlu dikenalpasti bagi merancang strategi serta tindakan yang lebih berkesan agar dapat menghasilkan graduan yang menepati kehendak industri.

## **2. SOROTAN LITERATUR**

Isu kebolehpasaran graduan telah menjadi subjek perbincangan yang penting dalam kalangan pelbagai pihak, termasuk institusi pendidikan, majikan, dan pihak kerajaan. Beberapa isu yang sering dibincangkan termasuklah dari aspek kesesuaian kurikulum pendidikan dalam memenuhi keperluan pasaran kerja; impak pertumbuhan ekonomi terhadap pasaran kerja dan peluang pekerjaan untuk graduan; dan impak kepesatan teknologi terhadap kesediaan graduan untuk bekerja dalam persekitaran dinamik.

Kebolehpasaran graduan merupakan subjek yang kompleks dan berkembang seiring dengan perkembangan dunia kerja dan masyarakat. Ia berkait rapat dengan komitmen untuk menghasilkan lulusan yang tidak hanya memiliki pengetahuan teknikal, tetapi juga kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk berjaya dalam persekitaran profesional yang semakin mencabar (Mohd Azri et al., 2019; Mohd Zulfakar, 2021). Kebolehpasaran graduan memberi implikasi yang sangat besar terhadap individu mahupun kepada negara secara keseluruhan.

Dari aspek individu, kebolehpasaran yang tinggi meningkatkan peluang individu untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka (Abdullah & Abd Majid, 2022) seterusnya mendapat pendapatan yang berpatutan dan mencapai kemajuan dalam kerjaya seperti kenaikan pangkat kerana mereka membawa nilai tambahan kepada organisasi; serta meningkatkan keupayaan untuk belajar dan beradaptasi terhadap perubahan pesat dalam pasaran pekerjaan dan teknologi (Mohd Puad, 2018). Manakala dari aspek Negara pula, kebolehpasaran yang tinggi dapat meningkatkan produktiviti ekonomi Negara dengan menyumbang kepada inovasi dan pertumbuhan ekonomi yang mampan; mengurangkan kadar pengangguran; dan meningkatkan daya saing Negara di peringkat global (Mohd Puad & Mad Nawe, 2021).

Evolusi kebolehpasaran graduan telah berubah seiring dengan perkembangan dunia pekerjaan dan perubahan dalam pasaran global. Pada awalnya, fokus utama kebolehpasaran graduan adalah pada pengetahuan teknikal dan kecekapan dalam bidang pengajian. Namun, seiring dengan kemajuan teknologi dan globalisasi, kebolehpasaran graduan pada masa kini tidak hanya merujuk kepada aspek akademik semata-mata, tetapi juga kepada kemampuan untuk menghadapi cabaran yang kompleks dan dinamik dalam dunia profesional (Abdullah & Abd Majid, 2022; Haron, 2018).

Pasaran pekerjaan yang kompleks ini memerlukan graduan untuk memiliki kombinasi kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah (N. M. Ali et al., 2023; Mamat et al., 2019) seperti kecekapan digital, kepimpinan, daya kreativiti, dan kemampuan berkomunikasi yang baik (Abdullah & Abd Majid, 2022). Kebolehpasaran graduan juga berkait rapat dengan keperluan industri. Pada hari ini, kebanyakan industri mencari graduan yang dapat menyumbang nilai segera kepada organisasi mereka (N. M. Ali et al., 2023). Ini menunjukkan kepentingan pengalaman praktikal semasa belajar sama ada melalui program latihan industri, projek kolaboratif dengan industri, dan penekanan ke atas pengetahuan yang praktikal dan relevan dalam kurikulum pendidikan. Sehubungan itu institusi pendidikan khususnya IPT perlu mengambil pendekatan holistik untuk membekalkan graduan dengan kombinasi kecekapan teknikal, pemikiran kritis, dan kemahiran interpersonal (Rameshan & Hamzah, 2022). Dalam hal ini, beberapa pendekatan telah dicadangkan.

Pertama, penawaran program pengajian di IPT perlu sentiasa dikemas kini agar selari dengan keperluan industri dan perubahan teknologi (Abdullah & Abd Majid, 2022). Walaupun kecekapan teknikal penting, namun kemahiran seperti komunikasi, pemikiran kritis, dan kerja berkumpulan turut sama memainkan peranan dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan (Abdullah & Abd Majid, 2022; Mohd Puad & Mad Nawe, 2021; Mohd Zulfakar, 2021). Ini menunjukkan bahawa kurikulum komprehensif yang menggabungkan pengetahuan teori dan pembangunan kemahiran praktikal adalah penting untuk menghasilkan graduan yang dapat dengan lancar beralih ke alam pekerjaan.

Kedua, program praktikal, program pembelajaran berintegrasi dengan kerja, dan pendedahan kepada senario perniagaan dunia nyata telah terbukti memberikan sumbangan yang signifikan kepada kesediaan graduan untuk bekerja (Darol Baha et al., 2020; Mohd Puad & Mohamad Desa, 2020). Begitu juga dengan program keusahawanan yang dapat memberi pendedahan dari aspek teori dan praktikal tentang dunia keusahawanan sebagai alternatif kerjaya pelajar setelah bergraduasi kelak (Sabarudin et al., 2022). Peluang-peluang ini memberikan pelajar pandangan secara langsung terhadap amalan dalam industri, kemahiran penyelesaian masalah, dan rangkaian professional. Dengan itu dapat merapatkan jurang antara akademik dan persekitaran perniagaan (Ismail et al., 2021). Institusi pendidikan yang menekankan pembelajaran berdasarkan pengalaman lebih berkemungkinan menghasilkan graduan yang mudah menyesuaikan diri, inovatif, dan dilengkapi dengan pengetahuan praktikal yang dikehendaki oleh majikan (Ali. A & Marwan, 2019).

Ketiga, kerjasama antara IPT dengan pihak industri dan kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi adalah penting untuk membentuk kurikulum yang relevan dengan keperluan semasa pasaran pekerjaan (Abdullah & Abd Majid, 2022). Usaha bersepadu antara institusi pendidikan dan perniagaan boleh menghasilkan kurikulum yang seiring dengan keperluan industri. Lembaga penasihat industri, ceramah jemputan oleh ahli industri, dan projek penyelidikan bersama adalah mekanisme di mana pelajar akan dapat mengetahui perkembangan tuntutan dunia perniagaan. Kerjasama seperti ini tidak hanya memperkukuhkan kurikulum tetapi juga dapat memperkasa graduan bagi melayakkan mereka mendapat tempat dalam industri kelak (Mohd Puad & Mad Nawe, 2021).

Secara keseluruhan, gabungan kemahiran, pengalaman praktikal, dan kerjasama industri-akademik adalah amat penting bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Dengan menggabungkan pengetahuan teknikal dengan kemahiran insaniah, memberikan pendedahan pelajar kepada dunia nyata, dan menjalin hubungan rapat dengan pihak dalam industri, institusi


pendidikan akan dapat mempersiapkan graduan mereka untuk menghadapi cabaran dan peluang yang wujud dalam landskap perniagaan yang dinamik.

### 3. METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan melalui soal selidik melibatkan data secara kuantitatif sepenuhnya. Borang soal selidik dalam bentuk *Google Form* diedarkan melalui medium *whats up* dan *Facebook* kepada sampel kajian yang merupakan bekas pelajar iaitu alumni bagi program MS32 UIS yang telah bekerja. Seramai 32 orang telah menjawab borang soal selidik ini. Jawapan responden terhadap soalan soal selidik yang berkaitan dengan kesesuaian bidang, tempoh pengajian, subjek yang ditawarkan dan sumbangan program kepada industri pekerjaan dianalisis secara deskriptif melalui peratus kekerapan responden.

### 4. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati majoriti responden iaitu melebihi 93.75 peratus bersetuju bahawa program MS32 yang ditawarkan ini memenuhi kehendak pasaran semasa. Daripada kesemua 32 alumni program yang terlibat dalam kajian ini, seramai 28 orang iaitu 87.5 peratus telah ditawarkan bekerja di organisasi milikan tempatan dalam jawatan yang bersesuaian dengan bidang pengajian. Manakala baki empat orang graduan pula bekerja di organisasi milikan luar (Rajah 1).




Rajah 1: Status Organisasi (Milikan Tempatan/Luar) Graduan Bekerja

Merujuk kepada Jadual 1, kesemua 32 orang atau 100 peratus responden bersetuju bahawa program MS32 yang ditawarkan ini memenuhi keperluan dalam bidang dan subjek yang ditawarkan adalah berkaitan dengan situasi semasa. Dari aspek tempoh pengajian dan kebolehpasaran graduan pula, majoriti responden (93.75 peratus) iaitu seramai 30 daripada 32 responden bersetuju bahawa tempoh pengajian selama tiga tahun adalah mencukupi. Mereka turut mengakui bahawa program ini berjaya menghasilkan graduan yang diperlukan oleh industri.

Ciri Kebolehpasaran	Peratus Kekerapan
Memenuhi keperluan dalam industri	100
Subjek berkaitan dengan situasi semasa	100
Menyumbang kepada keperluan bidang	100
Menghasilkan graduan yang diperlukan	93.75
Tempoh pengajian mencukupi	93.75

**Jadual 1: Kebolehpasaran Graduan MS32**

Graduan program MS32 ini juga didapati memperoleh pendapatan yang setimpal dengan pekerjaan yang dilakukan. Ia berpatutan dan bersesuaian dengan purata pendapatan seorang graduan baharu yang tiada pengalaman kerja sebelum ini. Daripada keseluruhan 32 responden yang terlibat dalam kajian ini, 15 orang (47%) memperoleh pendapatan setimpal dengan tahap diploma iaitu RM1501 hingga RM2000. Manakala 19 peratus dan 16 peratus daripada keseluruhan responden masing-masing memperoleh julat pendapatan RM2001 hingga RM2500 dan RM2501 hingga RM3000. Manakala tiga orang atau 9 peratus daripada keseluruhan responden memperoleh pendapatan lebih tinggi iaitu melebihi RM3000. Dari aspek pendapatan, secara keseluruhannya didapati bahawa lebih 90 peratus graduan program MS32 berupaya menjana pendapatan melebihi RM1500 (Rajah 2).



**Rajah 2: Julat Pendapatan Graduan Program MS32**

Beberapa cadangan diberikan oleh responden bagi menambahbaik kualiti program MS32 yang ditawarkan ini. Antaranya adalah mendedahkan pelajar program dengan lebih banyak subjek yang relevan seperti Asas Rekabentuk Laman Sesawang, Pengurusan Kewangan Islam dan sebagainya yang memenuhi keperluan semasa industri. Pelajar juga perlu didedahkan dengan kemahiran menggunakan *Microsoft Word* dan *Microsoft Excel* secara maksimum agar mampu berdaya saing dengan graduan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain. Tempoh praktikal selama tiga bulan juga dicadangkan agar dilanjutkan bagi memberi pendedahan mendalam kepada bakal graduan dengan dunia pekerjaan sebenar.

## 5. KESIMPULAN

Setakat hari ini UIS telah melahirkan lebih 25 000 orang graduan pelbagai bidang dan berdaya saing selari dengan kemajuan masa kini. Pelajar program Diploma Pengurusan Perniagaan di UIS misalnya didedahkan dengan kemahiran berkaitan pengurusan seperti asas pengurusan perniagaan, pemasaran, kewangan, perakaunan, komunikasi, strategi pengurusan termasuk praktikal pada akhir semester pengajian.

Pendedahan berkaitan aspek kemahiran yang diterapkan dalam subjek yang dipelajari amat diperlukan dalam industri pekerjaan masa kini. Hal ini kerana industri bukan sahaja memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan malah berkemahiran dan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan pekerjaan serta bersedia menghadapi cabaran yang

mendatang. Oleh itu kajian kebolehpasaran program pengajian perlu dilakukan bagi menilai kesesuaian program agar memenuhi pasaran kerja masa kini. UIS akan terus menjadi antara universiti yang melahirkan dan mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran baharu agar memenuhi keperluan semasa industri.

## RUJUKAN

- Abdullah, N. S. S., & Abd Majid, Z. (2022). Kebolehpasaran Modal Insan Lepas Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Isu dan Strategi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(8), 1–10.
- Ali, A., & Marwan, H. (2019). Elemen Pengurusan Personal Dalam Work Based Learning. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(1), 1–9.
- Ali, E., Che' Rus, R., Haron, M. A., & Mohd Hussain, M. A. (2018). Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional: Satu Analisis. *Sains Humanika*, 10(3), 9–15. <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-3.1510>
- Ali, N. M., Borhanuddin, R. I., Mat Salleh, S., Mohamed Nor, R., Mohd Noor, H., Kamaruddin, K., & Mokhlas, H. (2023). Kebolehpasaran Graduan - Penilaian daripada Perspektif Majikan dan Graduan: Satu Pendekatan Kualitatif. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 8(50), 355–367. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.850026>
- Darol Baha, N. A., Mansur, M., & Ismail, M. A. (2020). Potensi Kebolehpasaran Bakal Graduan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. *Malaysian Journal of Education*, 45(2), 13–23.
- Haron, H. (2018). Education in the Era of IR 4.0. *International Conference on Information Management and Technology*.
- Ismail, S., Mohamad, M. M., & Mohd Faiz, N. S. (2021). Kebolehpasaran Siswazah Melalui Berasaskan Kerja di Politeknik. *Sains Insani*, 6(2), 193–200.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2021). *Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan IPT 2021-2025*.
- Mamat, M., Daiman, D., Mohd Musa, R., Irham, N. A., Mun, W. K., & Yau, Y. V. (2019). Kebolehpekerjaan Graduan Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, Selangor. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 46–63.
- Mohd Azri, A., Sahid, S., & A. Hamid, A. H. (2019). Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan Melalui Kemahiran Kebolehgajian. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(15), 21–34.
- Mohd Puad, M. H. (2018). Obstacles to Employability Skills Training Programs in Malaysia from the Perspectives of Employers', Educators' and Graduates' Perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 952–972.
- Mohd Puad, M. H., & Mad Nawe, N. S. (2021). Pengaruh Motivasi Pelajar Dalam Program Latihan Kebolehpasaran di Era Revolusi Industri 4.0. *Sains Insani*, 6(1), 185–193.
- Mohd Puad, M. H., & Mohamad Desa, H. (2020). Dissecting Perceptions of New Graduates on Work Orientation and Self- Confidence in Employability Skills Training Program. *Universal Journal of Educational Research*, 8(1A), 70–75.
- Mohd Zulfakar, M. N. (2021). Perkembangan dan Cabaran Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(6), 169–177.

- Rameshan, N. D. E. R., & Hamzah, M. I. (2022). Kepentingan Kemahiran Insaniah Terhadap Kebolehpasaran Graduan Di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 240–251.
- Sabarudin, A., Lokman, N. H., Jantan, N. S., Zainrudin, N. A., Abdul Halim, A. S., & Khoiry, M. A. (2022). Tinjauan Keberkesanan Program Keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap Kebolehpasaran Graduan Menurut Perspektif Alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 1–14.